

# Peluang koperasi kembang perniagaan

**KUALA LUMPUR 21 Mac** - Peruntukan sebanyak RM200 juta kepada koperasi bagi menjayakan program Kedai Harga Patut di seluruh negara merupakan peluang kepada semua ahli koperasi terlibat dalam perniagaan secara serius selain menonjolkan produk dan keluaran mereka untuk dijual ke peringkat lebih jauh.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, peruntukan berkenaan mampu mengembangkan produk yang mereka usahakan selama ini tidak kira secara kecil-kecilan mu-



ABDUL FATTAH



NOOR ZARI

pun dalam kuantiti lebih besar ke pasaran terbuka.

“Sebelum ini ahli koperasi terlibat dalam perniagaan hanya menjual secara kecil-kecilan produk sendiri tetapi dengan peruntukan

disediakan itu sekali gus memberi peluang kepada usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) terutama di pedalaman untuk mengetengahkan hasil kreativiti mereka.

“Jika sebelum ini, kita perlu mencari pemasaran untuk meletakkan produk yang dihasilkan ahli koperasi tetapi dengan adanya program ini, ia dijadikan platform utama untuk ahli menjadi usahawan sekali gus mengembangkan sayap ke peringkat global termasuk mengedarkan produk mereka ke pasaran antarabangsa,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau mengulas peruntukan sebanyak RM200 juta kepada koperasi yang terbabit dalam program Kedai Harga Patut di seluruh negara.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, peruntukan berkenaan merupakan satu suntikan bagi

mengiktiraf peranan mereka yang terlibat dalam program itu.

Sementara itu, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Datuk Dr. Noor Zari Hamat berkata, peruntukan berkenaan mampu menambahkan lagi anggota ahli koperasi memandangkan hanya 25 peratus daripada penduduk negara ini terlibat aktif dalam sektor berkenaan.

“Dengan adanya peruntukan khas ini, kita boleh menambah lagi ahli, yang kini hanya 6.5 juta penduduk di negara ini menjadi ahli koperasi daripada 13,900 koperasi berdaftar dengan SKM,” katanya.

Katanya, koperasi negara perlu mencontohi pergerakan sektor koperasi di luar negara seperti Denmark dan Jepun apabila 35 peratus daripada peruncitan dan pemborong dikuasai koperasi, begitu juga di Jepun apabila 91 peratus petani menjadi ahli koperasi dan kita juga perlu bergerak ke arah itu supaya solidariti koperasi juga menjadi lebih efektif.